

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Sentral)

TARIKH: 31 JANUARI 2018

M/S : 18

KPKT bina 2,000 unit PPR di Selangor tahun ini

SHAH ALAM
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membina 2,000 unit kediaman di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) tahun ini bagi membantu golongan kurang berkemampuan di Selangor memiliki rumah.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata projek perumahan itu, yang membabitkan kos kira-kira RM400 juta, akan dilaksanakan di empat lokasi iaitu Kampung Sungai Yu dan Berjantai Bestari yang terletak di Kuala Selangor, Bukit Subang, Shah Alam serta Dengkil, Sepang.

"Projek PPR di Kampung Sungai Yu melibatkan 500 unit rumah teres manakala PPR di Dengkil dan Bukit Subang masing-masing melibat-

kan 500 unit pangsapuri.

"Di Berjantai Bestari, kita masih di peringkat perbincangan sama ada untuk membina pangsapuri atau rumah teres," katanya dalam sidang media di sini, kelmarin.

Terdahulu, Noh yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, menyampaikan Amanat 2018 kepada kira-kira 500 penjawat awam dari agensi dan jabatan-jabatan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Noh berkata kesemua projek perumahan berkenaan akan dibina di tanah milik persendirian dan pihaknya kini dalam proses membuat pelantikan pemaju.

Beliau menjelaskan KPKT akan melaksanakan konsep sewa untuk memiliki di kesemua kediaman itu. -Bernama